

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/09/2007

Abdullah sambut baik inisiatif pemisahan TM

NEW YORK 29 Sept. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rancangan pemisahan perkhidmatan talian tetap dan mudah alih Telekom Malaysia Bhd (TM) baik untuk syarikat itu bagi tempoh jangka panjang.

TM pada Jumaat lalu mengumumkan pemisahan penggabungan perniagaan talian tetap dan mudah alih kumpulan yang akan menyaksikan Celcom (Malaysia) Bhd. dipindahkan ke cabang antarabangnya, TM International Sdn. Bhd.

Abdullah berkata, pengerusi TM dan Celcom Tan Sri Md Radzi Mansor dan ketua pegawai eksekutif kumpulan TM Datuk Wahid Omar telah bertemu beliau bagi mem-

bincangkan mengenai cadangan itu sebelum ini.

Hubungan antara kedua-dua syarikat itu selepas pemisahan penggabungan adalah menerusi cabang pelaburan kerajaan, Khazanah Nasional Bhd., yang memegang 40 peratus ekuiti dalam kedua-duanya - RegionCo dan FixedCo.

"Saya bersetuju dengan cadangan itu kerana ia baik untuk Telekom Malaysia bagi tempoh jangka panjang," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas beliau menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu ke-62 di sini.

TM International yang akan menjadi syarikat pegangan dikenali sebagai RegionCo

UM - 30/9/2007
bagi semua perniagaan mudah alih dan perniagaan bukan kumpulan akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada suku kedua 2008.

Operasi lain kumpulan TM di bawah FixedCo selepas pemisahan itu akan merangkumi perkhidmatan suara talian tetap, data dan jalur lebar serta perniagaan berkaitan telekomunikasi dan bukan telekomunikasi dan akan kekal tersenarai sebagai TM di Papan Utama.

Rancangan pemisahan penggabungan itu yang dijangka selesai pada Jun tahun depan akan mewujudkan dua entiti bagi menyediakan kepada segmen pasaran yang berbeza dalam industri telekomunikasi. Struktur

akhir untuk mewujudkan jaguh mudah alih serantau dan jaguh jalur lebar tempatan itu akan diketahui pada Disember.

RegionCo akan mempunyai sejumlah 31.8 juta pelanggan di pasaran pertumbuhan tinggi di Asia manakala FixedCo seramai 4.4 juta pelanggan talian tetap dan 1.1 juta pelanggan jalur lebar.

Rancangan itu juga melibatkan rombakan pengurusan dengan Abdul Wahid daripada TM menjadi CEO kumpulan RegionCo dan Zamzamzairani Mohd Isa, ketika ini CEO perniagaan Malaysia TM sebagai CEO kumpulan FixedCo. Datuk Seri Shazally Ramly pula kekal sebagai CEO Celcom.

- Bernama